

KHUTBAH KHAS AIDILFITRI

'MERAYAKAN KEJAYAAN, MERAH KETAQWAAN' (10 April 2024M/ 01 Syawal 1445H)

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمَدَّ أَوْلِيَاءَهُ بِالتَّوْفِيقِ، وَأَلْهَمَهُمْ كَلِمَةَ الْحَقِّ وَالتَّصْدِيقِ،

وَأَرْشَدَهُمْ إِلَى أَوْضَحِ مَحَجَّةٍ وَطَرِيقٍ، وَجَعَلَهُمْ بِرَحْمَتِهِ خَيْرَ أُمَّةٍ وَفَرِيقٍ،

أَحْمَدُهُ عَلَى النِّعْمَةِ الَّتِي بِهَا حَبَانَا، وَأَشْكُرُهُ عَلَى الْمِلَّةِ الَّتِي بِهَا هَدَانَا.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا

عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ

وَمَنْ اهْتَدَى بِهَدْيِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِي نَفْسِي وَإِيَّاكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ

وَطَاعَتِهِ.

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,

Di pagi Aidilfitri ini, marilah kita merafakkan segala puji dan syukur kita ke hadrat ilahi, yang telah mengurniakan kita bulan Ramadan untuk dihargai, bulan yang telah menyuburkan keimanan dan

ketakwaan, bulan yang menanamkan kekuatan kepada kita untuk melakukan ibadah dan amal kebaikan, bulan yang telah menyemarakkan nilai kasih dan akhlak mulia dan keihsanan. Mudah-mudahan diterima segala ibadah dan usaha kebaikan kita sebagai amal soleh di akhirat kelak. Amin ya Rabbal 'Alamin. Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk “**Merayakan Kejayaan, Meraih Ketaqwaan**”.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ أَحْمَدُ

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,

Hari ini 1 Syawal telah tiba, saat umat Islam di seluruh dunia, dari pelbagai bangsa dan peringkat usia, bersama-sama melafazkan *takbir*, *tahmid* dan *tasbih* sebagai tanda, mengagungkan kebesaran Allah *subhanahu wata'ala*. Zikir yang dikumandangkan itu juga menandakan satu kejayaan dalam mentaati perintah Allah *subhanahu wata'ala*, mengawal serta mendidik nafsu, terutamanya melalui ibadah puasa. Ia juga menandakan kesyukuran kita kepada Allah *subhanahu wata'ala* yang telah menganugerahkan kesempatan untuk kita menikmati rahmat di bulan Ramadan dan seterusnya menuai hasilnya dengan kegembiraan merayakan Aidilfitri pada hari ini.

Gema takbir, dengan memuji Allah *subhanahu wata'ala* ini amat menggegarkan jiwa, perasaan dan emosi kita; gema takbir amat menginsafkan kita, kerana sambutan Aidilfitri yang ditetapkan oleh Islam, dimulakan dengan mentauhidkan Allah *subhanahu wata'ala*. Khatib yakin, sambutan di seluruh negara pada hari ini akan dipenuhi

dengan amalan-amalan yang baik dan mengikut pedoman ajaran Islam. Tiada yang menghina, tetapi semuanya memuliakan Islam. Menghormati dan tidak mencemarkan cahaya Ramadan yang telah berlalu. Seterusnya memuliakan dan mensyukuri bulan Syawal yang mulia ini.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ أَحْمَدُ

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,

Khatib ingin mengajak para jemaah untuk merenung kembali, mutiara-mutiara hikmah yang kita telah perolehi, daripada madrasah Ramadan. Ingatkah kita, betapa kita sanggup **berkorban**, menahan rasa lapar dan dahaga, melawan hawa nafsu, demi memenuhi tuntutan ibadah puasa? Ingatkah kita, sepanjang Ramadan kita menjadi orang yang lebih berhati-hati, dalam tutur bicara dan gerak geri, agar tidak melakukan maksiat yang boleh menyebabkan ibadah rosak dan dicemari?

Pada masa yang sama, kita juga telah memakmurkan rumah-rumah Allah, menghidupkan malam-malamnya dengan solat sunat tarawih, witr, tahajjud dan tadarus al-Quran sebagai ibadah. Sedangkan pada bulan-bulan yang lain, kita mungkin tidak dapat melakukan perkara yang sama. Bahkan lebih dari itu, kita juga dapat menyaksikan ramai daripada kita yang telah tampil, membantu mereka yang memerlukan.

Sesungguhnya, Ramadan telah mendidik kita untuk sedia **berkorban**, menanggung kesusahan, demi mentaati dan

melaksanakan segala perintah Allah *subhanahu wata'ala* dan Rasul junjungan, *sallallahu alaihi wasallam*. Kita menjadi lebih bersedia dan bersemangat, untuk melaksanakan ibadah yang wajib mahupun yang sunat. Malah sepatutnya juga kesungguhan untuk berkorban dan berkhidmat, dengan penuh ikhlas bagi mengangkat martabat dan maruah umat.

Inilah hasil madrasah Ramadan. Inilah natijah ketakwaan. Ia bukan sahaja membawa kita lebih dekat kepada Allah *subhanahu wata'ala*, tetapi juga menjadikan kita lebih mesra sesama insan. Inilah bentuk ketakwaan yang kita inginkan, sesuai dengan firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Ali Imran ayat 133-134:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ.

وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ
لِلْمُتَّقِينَ (١٣٣) الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكَاظِمِينَ الْغَيْظَ
وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ ۗ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ (١٣٤)

Maksudnya : *Dan bersegeralah kamu kepada keampunan daripada Tuhanmu dan kepada syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang yang bertakwa. (laitu) Orang yang menafkahkan (hartanya), baik di waktu lapang mahupun sempit, dan orang yang menahan amarahnya dan memaafkan (kesalahan) orang. Allah menyukai orang yang berbuat kebajikan.*

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,

Madrasah Ramadan telah menyediakan ruang dan peluang yang begitu luas untuk kita mencapai ketenangan hati dan minda. Melalui madrasah Ramadan, kita dididik agar berusaha menjadi seorang yang penyabar. Begitu juga, kita diajar agar sentiasa menjaga tuturkata dan tingkahlaku, dengan mengelakkan diri daripada sifat-sifat mazmumah.

Selain itu, kita juga dididik supaya sentiasa bersyukur atas kurniaan Allah *subhanahu wata'ala*. Kita semaikan dan suburkan pula dengan perasaan kasih dan sayang sesama insan. Apabila semua sifat dan sikap yang baik ini berjaya dilatih dalam bulan Ramadan, akan mendatangkan ketenangan hati dan minda kepada kita.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Aidilfitri bererti merayakan kemenangan, iaitu kemenangan ke atas godaan hawa nafsu, membolehkan kita kembali kepada fitrah. Dalam usaha menyuburkan fitrah ini, kita hendaklah menjadikan usaha menuntut ilmu pengetahuan, kemahiran dan perbaikan diri secara berterusan.

Aidilfitri juga adalah hari untuk bergembira dan bersyukur atas kurniaan Allah *subhanahu wata'ala*. Aidilfitri adalah hari untuk mengukuhkan lagi persaudaraan, kasih sayang dan perpaduan sesama kita. Marilah kita bersama-sama menghidupkan suasana

Aidilfitri ini dengan amalan ziarah-menziarahi, kunjung-mengunjungi dan menghubungkan silatur rahim terutama sekali terhadap kedua ibu bapa kita dengan memohon kemaafan atas segala kesalahan dan dosa yang telah dilakukan sama ada yang disedari ataupun yang tidak disedari. Dengan demikian, jiwa kita dapat merasai ketenangan dan kebahagiaan yang sejati. Al-Khatib al-Baghdadi *rahimahullah* meriwayatkan sebuah hadis dalam kitabnya 'Tarikh Baghdad' yang berbunyi:

« ثَلَاثَةٌ مِنْ مَكَارِمِ الْأَخْلَاقِ عِنْدَ اللَّهِ، أَنْ تَعْفُوَ عَمَّنْ ظَلَمَكَ، وَتُعْطِيَ مَنْ حَرَمَكَ، وَتَصِلَ مَنْ قَطَعَكَ »

Maksudnya: Tiga perkara yang merupakan antara budi pekerti yang mulia di sisi Allah subhanahu wata'ala; hendaklah engkau memaafkan orang yang telah menganiaya dirimu, hendaklah engkau menolong orang yang telah memutuskan pemberiannya kepadamu, dan hendaklah engkau terus menjaga hubungan dengan orang yang telah memutuskan perhubungan denganmu.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ الْحَمْدُ

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah, marilah kita menghidupkan semangat ramadan dengan melaksanakan perkara berikut:

1. Istiqamah dalam beribadah
2. Mujahadah dalam memelihara diri daripada sifat mazmumah
3. Mensyukuri nikmat kurniaan Aidilfitri
4. Menjaga hubungan sesama insan

Hayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Baqarah, ayat 148 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَلِكُلِّ وِجْهَةٍ هُوَ مُوَلِّيهَا ۖ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ ۗ أَيْنَ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمُ اللَّهُ
جَمِيعًا ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ (١٤٨)

Maksudnya : *Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) yang masing-masing menujunya; oleh itu berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan; kerana di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan membawa kamu semua (berhimpun pada hari kiamat untuk menerima balasan); sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ أَحْمَدُ.

KHUTBAH KEDUA AIDILFITRI

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَ لِلَّهِ الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَ لِلَّهِ الْحَمْدُ

Para Tetamu Allah yang dimuliakan!

Marilah kita kunjung-mengunjungi dengan memberi keutamaan kepada kedua ibubapa kita dan sanak saudara, bersalam-salaman dan bermaaf-maafan pada Hari Raya yang mulia ini. Lapangkanlah dada kita untuk memaafkan kesalahan dan kesilapan saudara-saudara kita.

Sesungguhnya, sambutan hari raya dalam Islam adalah ibadah. Maka kita hendaklah berusaha supaya kegembiraan dalam berhari raya tidak sesekali bercampur-aduk dengan perkara-perkara berbentuk maksiat dan pembaziran.

Justeru, dalam keseronokan kita menyambut hari raya dengan berkunjung ke rumah saudara mara dan rakan taulan, menghadiri rumah terbuka dan sebagainya perlulah dibatasi oleh landasan

syariat. Di mana pergaulan lelaki dan perempuan mestilah terkawal, batasan aurat hendaklah selari dengan tuntutan Islam, pakaian yang menjolok mata dan tidak selari dengan kehendak Islam hendaklah dihindari dan hiburan melampau perlulah dijauhi.

Marilah kita raikan kegembiraan dengan cara yang sederhana terutamanya dalam menjamu selera, dan menyediakan juadah untuk rumah terbuka dan sebagainya.

Akhirnya, setelah bergembira merayakan Aidilfitri, bersama-samalah pula kita teruskan semangat Ramadan yang tertanam di jiwa dengan melaksanakan puasa sunat enam hari di bulan Syawal sebagaimana yang digalakkan kepada kita untuk melakukannya. Sabda Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* yang berbunyi :

« مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ »

Maksudnya : *Sesiapa yang berpuasa Ramadan, dan diikuti dengan enam hari di bulan Syawal, maka ia seumpama berpuasa sepanjang tahun.*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ

سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي
الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ
وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami dari gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan

dadah. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami, Terimalah solat kami, puasa kami, amalan-amalan sunat yang telah kami kerjakan sepanjang bulan Ramadhan Al-Mubarak, kekhusyukan kami, perhambaan kami dan sempurnakanlah segala kekurangan yang ada pada diri kami, ya Akramal Akramin.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ، وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ أَحْمَدُ.